

## **MINIT MESYUARAT AJK SURAU AN NUR SIRI 2/2014**

### **SURAU AN NUR SETIA ECO PARK**

**TARIKH** : 2 Mac 2014 (AHAD)  
**MASA** : 8.00 MALAM  
**TEMPAT** : SURAU AN NUR, SETIA ECO PARK  
**KEHADIRAN** : SEPERTI DI LAMPIRAN  
**AGENDA** :

#### **1. KATA-KATA ALUAN PENGERUSI SURAU AN NUR**

Yang Berbahagia Datuk Mohamad Bin Maidon merakamkan ucapan terima kasih kepada AJK yang sudi melapangkan masa untuk hadir. Mesyuarat pada malam ini akan membincangkan beberapa program kuliah dan pengajian yang akan diadakan secara bulanan sebagai usaha untuk mengimarahkan surau.

#### **2. MELULUSKAN MINIT MESYUARAT**

Minit mesyuarat siri 1/2014 telah diluluskan setelah dicadangkan oleh Hj Shamsudin dan disokong oleh Dr Zakir.

#### **3. PERLANTIKAN IMAM-IMAM SOLAT WAKTU**

Untuk memastikan solat waktu sentiasa dipimpin oleh imam berwibawa, Datuk Pengerusi telah melantik dua imam tambahan:

- Dr Zamros
- Raja Rahman

#### **4. LAPORAN KEWANGAN DAN ASET SURAU**

Bendahari Tuan Hj Shamsudin telah membentangkan bajet bulanan surau merangkumi perbelanjaan seperti berikut:

- Electricity	- RM 300
- Water	- RM 100
- Weekly Cleaning, 4 kali sebulan	- RM 200
- Gardener / maintain	- RM 350
- Repair/maintenance	- RM 100
- Kuliah Ustaz fees	- RM 500
- Refreshment Kuliah	- RM 300
- Refreshment Malam Jumaat	- RM 100
- Sport and Recreation	- RM 150
Jumlah Anggaran Belanja bulanan	- RM 2100

Karpet untuk seluruh surau sebanyak 10 keping telah dibeli menggunakan sumber kewangan yang telah disumbangkan oleh ahli kariah. Beliau turut memaklumkan beberapa peralatan perlu dibeli iaitu seperti berikut:

- Kabinet / rak buku
- Partition untuk jemaah muslimah
- Notice Board
- Cermin bilik air muslimah
- Aircond – 2 unit, model yang tidak memerlukan dinding dipecah untuk hot air outlet.
- Tanda saf – kain putih untuk jemaah muslimin dan muslimat.

Mesyuarat juga bersetuju untuk sejadah yang tidak lagi digunakan disedekahkan kepada surau lain yang lebih memerlukan. Setiausaha akan menguruskan.

Mesyuarat juga bersetuju agar penyata kewangan dipaparkan di papan kenyataan untuk makluman ahli kariah.

## 5. PROGRAM PENGAJIAN/TARBIYAH

Mesyuarat bersetuju untuk kuliah dan pengajian secara tetap diadakan seperti berikut:

- Fees Kuliah 2 kali sebulan Sheikh Zobair dan Jamuan - RM 600
- Kuliah sekali sebulan Ust Khairil Anuar - ditaja Hamba Allah
- Kelas Muslimah Al Quran sekali sebulan - RM 150
- Kelas Al Quran Mingguan, 8 kali sebulan - RM 1000

## 6. PROGRAM SOSIAL / REKREASI

Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan aktiviti sosial dan rekreasi sebagai satu kaedah mengeratkan hubungan kekeluargaan kariah An Nur. Puan Noraini telah dilantik mengetuai Biro Sosial dan Rekreasi untuk merancang aktiviti yang bersesuaian.

## 7. PERKARA-PERKARA BARU

Mesyuarat diteruskan dengan membincangkan cadangan berikut:

Siri	Perkara	Tindakan
7.1	<p><b>LOGO SURAU</b></p> <p>Surau memerlukan logo sebagai identiti.</p> <p>Mesyuarat bersetuju Saudara Zaini akan membuat cadangan rekabentuk. Akan dibentangkan dalam mesyuarat yang akan datang untuk kelulusan.</p>	<p><b>Sdra Zaini</b></p>

<p><b>7.2</b></p>	<p><b>PENGURUSAN SURAU</b></p> <p><b><u>Kebersihan Surau</u></b></p> <p>Pada masa ini surau dibersihkan oleh tukang cuci yang dibayar elaunnya oleh individu dalam kariah surau. Surau perlu dicuci lebih kerap untuk memastikan kebersihannya di tahap terbaik.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk surau dibersihkan melalui gotong royong ahli kariah setiap minggu iaitu pada hari Ahad pagi selepas solat subuh berjemaah. Ini untuk mewujudkan 'sense of belonging' di kalangan ahli kariah kepada surau kita.</p> <p><b><u>Komunikasi Antara AJK</u></b></p> <p>Pada masa ini komunikasi adalah melalui Aps Whatsapp dan sms. Perkongsian dokumen seperti minit mesyuarat dan laporan kewangan tidak dapat dihantar melalui Aps tersebut.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk group email diadakan. Di samping komunikasi lebih meluas kepada ahli kariah boleh dilaksanakan melalui website.</p> <p><b><u>Program Bulanan Surau</u></b></p> <p>Untuk memastikan kehadiran yang maksima dalam aktiviti surau, makluman awal kepada ahli kariah perlu diberikan agar mereka dapat merancang.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk diadakan jadual/takwim tazkirah dan aktiviti bulanan surau. Biro Tarbiyah akan sediakan dan Biro Komunikasi akan membuat posting di website surau.</p>	<p><b>Siak</b></p> <p><b>Biro Komunikasi</b></p> <p><b>Biro Tarbiyah</b></p> <p><b>Biro Komunikasi</b></p>
<p><b>7.3</b></p>	<p><b>SUMBER KEWANGAN</b></p> <p>Kesedaran kepada setiap ahli kariah untuk membuat sumbangan bulanan ke tabung pengurusan surau perlu dipertingkatkan kerana sambutan masih lagi dingin. Surau perlu mempunyai sumber kewangan yang berterusan untuk kos pengurusan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk memberi kemudaha menyumbang iaitu melalui online. Pautan ke akaun surau akan diadakan melalui website.</p>	<p><b>Biro Komunikasi</b></p>

5.4	<p><b>AKTIVITI KEMASYARAKATAN</b></p> <p><b><u>Kelas Tusyen di Surau</u></b></p> <p>Surau turut menjadi pusat kegiatan kemasyarakatan dan ilmu di kalangan ahli kariah. Setiausaha telah mencadangkan program tusyen, sebagai permulaan subjek matematik peringkat PMR.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk perkara ini dilaksana secara percubaan pada setiap Ahad pagi jam 8.30 hingga 9.30.</p>	Semua AJK
-----	---	-----------

## 6. UCAPAN PENANGGUHAN MESYUARAT

Datuk Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap agar pengurusan surau akan berada di tahap yang tinggi dengan komitmen daripada semua ahli jawatankuasa.

Mesyuarat akan datang akan diadakan dalam masa sebulan. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 9.30 malam.

Disediakan oleh

Disemak oleh

.....  
 (HJ MAT ASIS BIN MAHNOON)  
 Setiausaha SURAU AN NUR

.....  
 (DATUK MOHAMMAD BIN MAIDON)  
 Pengerusi SURAU AN NUR

**SENARAI KEHADIRAH MESYUARAT AJK SURAU AN NUR SIRI 1/2014 PADA**

**16 JANUARI 2014**

<b>NAMA JAWATAN</b>	<b>NAMA PENYANDANG</b>	<b>KEHADIRAN</b>
PENGERUSI	DATUK MUHAMMAD BIN MAIDON	Hadir
SETIAUSAHA	HAJI MAT ASIS BIN MAHNOON	Hadir
BENDAHARI	HAJI SHAMSUDIN BIN BASRI	Hadir
AJK WANITA	DR ANIS SAFURA BINTI RAMLI	Hadir
AJK REMAJA	EN ZAINI BIN ZAKARIA	Hadir
AJK	PUAN NORAINI BINTI ROSLAN	Hadir
AJK	HAJI MOKHSEIN BIN ABDULLAH	Tidak Hadir
AJK	HAJI AHMAD NAJHAN BIN JAMIL	Hadir
BILAL 1	HAJI JASMANI BIN HJ ABBAS	Hadir
BILAL 2	DR MOHD FADHLILLAH BIN MAHMOOD	Hadir
BILAL 3	DR ZULKIFLI BIN ZAINAL ABIDIN	Hadir
BILAL JENAZAH LELAKI	HAJI HAMDAN BIN ZAMBAHARI	Tidak Hadir
BILAL JENAZAH WANITA	DATIN FARIDAH BINTI ARIS	Tidak Hadir
PEMERIKSA KIRA KIRA 1	DR ZAKIR HUSSAIN	Hadir
PEMERIKSA KIRA KIRA 2	HAJI AYUB KHAN BIN MOHAMOD	Tidak Hadir